

Kemegahanmu tidak baik. Tidak tahukah kamu, bahawa sedikit ragi mengkhamsi seluruh adonan? Buanglah ragi yang lama itu, supaya kamu menjadi adonan yang baru, sebab kamu memang tidak beragi. Sebab anak domba Paskah kita juga telah disembelih, iaitu Kristus. Kerana itu marilah kita berpesta, bukan dengan ragi yang lama, bukan pula dengan ragi keburukan dan kejahatan, tetapi dengan roti yang tidak beragi, iaitu kemurnian dan kebenaran. 1 Kor 5:6-8



Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami untuk berjalan
bersama sebagai umat-Mu,
ditarik ke dalam kehidupan
persekutuan Bapa, Putera,
dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap
untuk Konvensyen
Pastoral Malaysia 2026.
Ajarlah kami untuk mendengar dengan
mendalam, untuk menilai dengan setia,
dan untuk mempercayai ke mana
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu
empat aspek yang sedang kami
pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,
agar mereka menjadi tempat cinta,
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,
agar kami dapat berkembang dalam
persekutuan, penyertaan, dan saksi
yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan
ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi
dengan rasa hormat, tanggungjawab,
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam
komuniti, agar kami dapat mencari
keadilan, mempromosikan keamanan,
dan berdiri dalam solidariti dengan
yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika jalan pastoral lahir
daripada pertimbangan kami, semoga
ia memperkaya dan menguatkan
komuniti iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja,
yang merenungkan Firman-Mu dan
berjalan dalam iman, ajarilah kami
untuk berjalan bersama
dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam
Kristus, penuh perhatian terhadap satu
sama lain, dan terbuka kepada
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu
kami hidup dengan lebih setia sebagai
satu Gereja Katolik Malaysia,
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Bangkit



bersama Kristus

Pesan Uskup Cornelius Piong sempena Hari Paskah 2026



Kepada umat Tuhan yang berjalan bersama dengan iman, pengharapan dan kasih dalam Yesus Kristus.

Selamat menyambut perayaan Paskah, kebangkitan Kristus. Dia HIDUP dan TINGGAL bersama kita umat-Nya dalam perjalanan hidup kita sehari-hari.

Sepanjang masa Pra-Paskah Tuhan Yesus memberi kita kesempatan untuk merenung dan turut serta dalam kesengsaraan dan kematian-Nya di kayu Salib.

Semasa kita melalui masa Pra-Paskah, dengan berpuasa dan berpantang, Tuhan memberi kita kesempatan untuk mengalami realiti cabaran-cabaran yang kita alami secara peribadi, dalam keluarga dan komuniti.

Namun dengan kepercayaan, harapan dan kasih kepada Yesus kita dimampukan oleh Roh Kudus untuk menghadap dan mengatasi semua cabaran iman dan hidup yang kita hadapi. Kita bersyukur kerana perayaan

Paskah adalah jaminan daripada Yesus bagi kita bahawa sesudah kesengsaraan, kematian di kayu salib Dia telah bangkit dan sekarang hidup bersama kita selama-lamanya. Jaminan Yesus ini perlu kita tanggapi dengan kepercayaan, harapan dan cinta kasih.

Banyak perkara yang berlaku di dunia hari ini menimbulkan ketakutan dan kebimbangan dalam hati kita sebagai umat manusia.

Kita menyaksikan peperangan yang berterusan, seperti konflik di Timur Tengah yang meragut nyawa dan memaksa ramai hidup sebagai pelarian.

Selain itu, bencana alam seperti gempa bumi dan banjir besar, semakin kerap berlaku, memusnahkan rumah serta sumber kehidupan ramai orang.

Dalam masa yang sama, kita juga berdepan dengan kemerosotan moral dalam masyarakat—contohnya peningkatan jenayah, penyalahgunaan dadah, keruntu-

han institusi keluarga, serta sikap mementingkan diri yang semakin ketara.

Sebagai murid-murid Yesus yang berjalan bersama dengan kepercayaan, harapan dan kasih kepada Yesus yang hidup dan ada bersama kita, marilah kita membangun umat yang bersifat kebersamaan, bersikap ambil peduli terhadap sesama manusia dan alam ciptaan Tuhan dan setia memihak dan bersaksi bagi Yesus.

Kepada para Uskup, Paderi, Diakon, Religius, Katekis, serta semua umat. Semoga kebangkitan Kristus turut membangkitkan semangat kita untuk terus melayani dengan sukacita.

Selamat menyambut Hari Raya Besar Kebangkitan Yesus!

Cornelius Piong
Uskup Cornelius Piong

Generasi kanak-kanak di Timur Tengah sedang hancur

NEW YORK: UNICEF merayu masyarakat antarabangsa agar menghentikan keganasan di Timur Tengah serta membenarkan akses bantuan segera kepada lebih 1.2 juta kanak-kanak yang dipindahkan di Iran dan Lubnan.

Timbalan Pengarah Eksekutif PBB, Ted Chaiban, memberi amaran bahawa satu generasi kanak-kanak di Timur Tengah se-

makin terjerumus dalam krisis.

Beliau menekankan bahawa lebih daripada 2,100 kanak-kanak telah terbunuh atau cedera sejak permulaan perang beberapa minggu lalu.

Ini termasuk 206 kanak-kanak yang terbunuh di Iran dan 118 di Lubnan.

Ted Chaiban menekankan kesan kemanusiaan yang ditanggung oleh perang ini,

dengan menunjukkan bahawa "di sebalik angka-angka ini terdapat ibu bapa, datuk dan nenek, guru, abang, dan kakak."

Di Iran, sehingga 3.2 juta orang terpaksa dipindahkan, termasuk sekitar 864,000 kanak-kanak, manakala di Lubnan lebih sejuta orang telah dipindahkan, termasuk kira-kira 370,000 kanak-kanak. **Media Vatikan**

Jangan kedekut berbahagi belas kasihan Tuhan

Beberapa waktu selepas saya ditahbiskan, saya bertugas sementara di sebuah paroki, saya ditempatkan di sebuah rumah paroki bersama seorang paderi tua yang sangat kudus.

Beliau berusia lebih daripada lapan puluh tahun, hampir buta, tetapi sangat dicari dan dihormati ramai.

Pada suatu malam, ketika saya bersendirian dengannya, saya mengajukan soalan ini: "Jika anda dapat menjalani semula kehidupan imamat anda, adakah anda akan melakukan sesuatu secara berbeza?"

Saya memandangkan sebagai seorang lelaki yang sangat berintegriti. Saya sama sekali tidak menjangkakan bahawa beliau mempunyai penyesalan. Jawapannya mengejutkan saya. Paderi tua itu, memang mempunyai penyesalan, yang besar

Katanya, "Jika saya dapat mengulangi kepaderian saya, saya akan lebih bersikap lembut terhadap orang lain pada masa akan datang. Saya tidak akan begitu kedekut dengan rahmat Tuhan, dengan sakramen, dengan pengampunan. Di seminari, apa yang ditanyakan dalam diri saya ialah ungkapan: Kebebasan akan memerdekakan kamu."

"Jadi, saya percaya bahawa tanggungjawab saya adalah sentiasa memberi cabaran yang tegas, dan itu memang ada baiknya. Tetapi saya bimbang saya terlalu keras terhadap orang lain. Mereka sudah cukup menanggung penderitaan tanpa saya dan Gereja menambahkan beban kepada mereka. Saya sepatutnya lebih berani mengutamakan belas kasihan Tuhan!"

Perkara ini sangat memberi kesan kepada saya kerana, kurang daripada setahun sebelumnya, semasa saya menjalani peperiksaan akhir di seminari, seorang paderi yang menilai saya memberi amaran ini: "Berhati-hati," katanya, "jangan biarkan perasaan meng-

ganggu. Jangan terlalu lembut, itu tidak tepat. Ingat, walaupun sukar, kebenaranlah yang memerdekakan orang!" Pada pandangan awal, ini kelihatan seperti nasihat yang baik untuk seorang paderi muda.

Namun, setelah lima puluh tahun dalam pelayanan imamat, saya lebih cenderung kepada nasihat paderi tua itu: *Kita perlu lebih berani membuka ruang untuk menyebarkan belas kasihan Tuhan.*

Keadilan dan kebenaran tetap penting dan tidak boleh diabaikan, tetapi kita harus berani membiarkan belas kasihan Tuhan yang tidak terbatas, tanpa syarat dan tidak layak kita terima itu mengalir dengan lebih bebas.

Belas kasihan Tuhan itu mudah diakses, seperti paip air yang terdekat. Oleh itu, seperti nabi Yesaya, kita harusewartakan belas kasihan yang tidak berharga: *Datanglah, datanglah tanpa wang, tanpa kelayakan, datanglah dan minumlah dengan bebas daripada belas kasihan Tuhan!*

Apakah yang menghalang kita? Mengapa kita begitu teragak-agak untukewartakan belas kasihan Tuhan yang tidak pernah habis, melimpah, dan tanpa pilih kasih?

Sebahagiannya, alasan kita memang baik, bahkan mulia. Keprihatinan terhadap kebenaran, keadilan, ajaran yang benar, moral yang betul, tata tertib umum, persiapan sakramen yang sewajarnya, serta kebimbangan akan skandal — semuanya penting. Kasih perlu diimbangi dengan kebenaran, dan kebenaran pula perlu diperlunakkan dengan kasih.

Dalam hal ini, saya khuatir kita tersilap arah, menjadi gembala yang kurang baik, dan tidak sehaluan dengan Tuhan yang dihadirkan oleh Yesus. Belas kasihan Tuhan, sebagaimana dinyatakan oleh Yesus, merangkul semua tanpa pilih kasih, seperti matahari yang bersinar sama rata kepada yang baik mahupun yang jahat, yang layak dan yang tidak layak, yang



telah mengenal iman dan yang belum.

Salah satu pemahaman yang benar-benar mengejutkan yang diberikan oleh Yesus kepada kita ialah belas kasihan Tuhan sentiasa menjangkau semua orang. Ia sentiasa percuma, tidak layak diterima, tanpa syarat, bersifat sejagat dalam pelukannya, melampaui segala agama, adat, peraturan, fahaman politik, program wajib, ideologi, bahkan dosa itu sendiri.

Oleh itu, bagi kita — terutamanya sebagai ibu bapa, pelayan, guru, katekis dan para penatua — kita perlu beraniewartakan belas kasihan Tuhan yang melimpah tanpa batas.

Kita tidak boleh membahagikan belas kasihan Tuhan seolah-olah ia milik kita; memberikan pengampunan Tuhan seolah-olah ia sesuatu yang terhad; meletakkan syarat pada kasih Tuhan seolah-olah Tuhan perlu dijaga; atau menghadkan akses kepada Tuhan se-olah-olah kita penjaga pintu syurga.

Kita seharusnya bukan demikian. Jika kita mengikat belas kasihan Tuhan kepada ketakutan dan keraguan kita sendiri, kita sebenarnya mengecilkannya setakat ukuran fikiran kita. Itu satu sikap yang silap.

Menarik untuk diperhatikan dalam Injil bagaimana para rasul—walaupun berniat baik—sering cuba menjauhkan orang tertentu daripada Yesus, seolah-olah orang-orang yang mahu berjumpa Yesus tidak layak, seolah-olah mereka akan mencemarkan kekudusan-Nya.

Maka mereka cuba menghalau kanak-kanak, pelacur, pemungut cukai, orang berdosa yang dikenali, dan mereka yang belum mengenal iman. Namun setiap kali, Yesus menolak usaha mereka dengan kata-kata seperti ini: "Biarkan mereka datang kepada-Ku. Aku mahu mereka datang."

Keadaan tidak banyak berubah. Dari dahulu hingga kini, kita yang berniat baik, atas alasan yang sama seperti para rasul, terus cuba menghalang individu dan kelompok tertentu daripada menerima belas kasihan Tuhan yang tersedia melalui Sabda, Sakramen, dan Komuniti Kristian. Yesus mampu mengurus hal itu dahulu; saya yakin Dia juga mampu menguruskannya sekarang. *Tuhan tidak memerlukan kita untuk menjadi penjaga pintu.*

Apa yang Tuhan kehendaki ialah supaya semua orang — tanpa mengira usia, agama, budaya, kelemahan diri, atau kurangnya amalan Kristian — datang kepada sumber belas kasihan ilahi yang tidak terbatas.

Ahli naturalis terkenal, John Muir, pernah mencabar orang Kristian dengan kata-kata ini: Mengapa orang Kristian begitu enggan membenarkan haiwan masuk ke dalam "syurga" mereka yang sempit?

Saya khuatir kita juga bersikap terlalu berkira terhadap belas kasihan Tuhan yang melimpah. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

HARI RAYA BESAR PASKAH

KISAH PARA RASUL 10: 34,37-43;
KOLOSE 3: 1-4 ATAU 1 KOR 5: 6-8;
YOHANES 20: 1-9 ATAU MATIUS 28: 1-10.



Injil Yohanes 20:1-9 membawa kita kepada satu peristiwa yang sangat penting dalam iman kita — kubur yang kosong pada pagi Paskah.

Sebelum itu, pembacaan pertama pula mengingatkan bahawa kebangkitan Kristus adalah inti iman — Yesus yang wafat kini hidup dan menjadi saksi harapan bagi semua.

Kasih adalah pengikat yang menyempurnakan kesatuan. Inilah yang ditekankan

BERLARI kepada Tuhan

dalam pembacaan kedua.

Dalam terang Paskah, kasih Kristus yang bangkit memanggil kita untuk hidup dalam harmoni, saling mengampunkan dan membangun komuniti yang bersatu dalam kasih.

Kita dipanggil menjadi saksi kebangkitan melalui hidup yang diubah dan penuh iman. Maria Magdalena datang ke kubur ketika hari masih gelap. Keadaan ini bukan sahaja merujuk kepada waktu pagi, tetapi juga keadaan hati manusia yang masih dalam kesedihan dan kekeliruan selepas kematian Yesus.

Apabila dia melihat batu telah dialihkan, dia segera berlari mendapatkan Petrus dan murid yang dikasihi Yesus.

Petrus dan murid itu pun berlari ke kubur. Yohanes mencatat dengan terperinci bagaimana mereka melihat kain kapan terletak di situ dan kain peluh yang menutup kepala Yesus digulung di tempat lain.

Ini bukan tanda pencurian, tetapi sesuatu yang teratur dan penuh makna. Murid yang dikasihi itu akhirnya masuk, "melihat dan percaya."

Namun, mereka belum sepenuhnya memahami bahawa Yesus harus bangkit dari antara orang mati seperti yang dinyatakan dalam Kitab Suci.

Peristiwa ini menunjukkan bahawa iman sering bermula dengan tanda-tanda kecil.

Kadang-kadang kita juga seperti para

murid — melihat sesuatu dalam hidup kita yang memberi harapan, tetapi belum sepenuhnya memahami maksudnya.

Tuhan bekerja dalam hidup kita secara perlahan, mengundang kita untuk percaya walaupun kita belum melihat gambaran penuh.

Kebangkitan Yesus adalah pusat iman Katolik. Tanpa kebangkitan, iman kita sia-sia. Tetapi kerana Yesus telah bangkit, kita mempunyai harapan yang pasti. Maut tidak lagi berkuasa, dosa tidak lagi menjadi penghalang terakhir, dan kehidupan baru telah dibuka untuk kita semua. Paskah adalah perayaan kemenangan — kemenangan kasih Tuhan atas dosa dan kematian.

Dalam kehidupan seharian, kita sering mengalami "kegelapan" seperti Maria Magdalena.

Kita mungkin berhadapan dengan masalah keluarga, kesihatan, kegagalan, atau kehilangan orang yang kita kasihi.

Pada saat-saat ini, kita mungkin merasakan bahawa Tuhan jauh atau tidak hadir. Namun Injil hari ini mengingatkan kita bahawa walaupun dalam kegelapan, Tuhan sudah bekerja.

Kubur yang kosong adalah tanda bahawa harapan sentiasa ada, walaupun kita belum menyedarinya. Seperti Petrus dan Yohanes, kita juga dipanggil untuk "berlari" kepada Tuhan. Ini bermaksud kita perlu mencari Dia

dengan sungguh-sungguh melalui doa, Sabda Tuhan, dan sakramen.

Dalam Ekaristi, kita bertemu dengan Kristus yang hidup. Dalam pengakuan dosa, kita mengalami kasih dan pengampunan-Nya. Semua ini adalah tanda bahawa Yesus yang bangkit masih hadir dalam hidup kita hari ini.

Selain itu, kebangkitan Yesus juga mengajak kita untuk berubah. Iman bukan sekadar mengetahui bahawa Yesus bangkit, tetapi hidup sebagai orang yang telah diselamatkan.

Kita dipanggil untuk menjadi saksi — membawa terang kepada orang lain, mengasihi tanpa syarat, mengampunkan seperti Kristus mengampunkan, dan tidak mudah putus asa.

Akhirnya, renungan ini mengajak kita untuk bertanya kepada diri sendiri: Adakah kita benar-benar percaya bahawa Yesus telah bangkit? Dan jika kita percaya, adakah hidup kita mencerminkan iman itu? Seperti murid yang dikasihi, kita dipanggil untuk "melihat dan percaya," walaupun kita tidak memahami segalanya.

Semoga dalam perayaan Paskah ini, hati kita dibaharui oleh kehadiran Kristus yang bangkit.

Semoga Dia mengubah ketakutan kita menjadi keberanian, kesedihan kita menjadi sukacita, dan keraguan kita menjadi iman yang teguh. Kerana Dia hidup, kita juga mempunyai harapan untuk hidup yang kekal. **Terang Iman**

Misa Krisma Sandakan: Iman Diperbaharui, Misi diteguhkan



SANDAKAN: Misa Krisma merupakan salah satu perayaan liturgi terpenting dalam Gereja Katolik yang menonjolkan kesatuan umat Tuhan.

Pada Mac 12, umat Keuskupan Sandakan berkumpul di Katedral St Mary, merayakan Misa Krisma bersama Uskup Julius Dusin Gitom serta para paderi dari paroki Tawau, Lahad Datu, Telupid, Beluran dan Misi Paitan.

Dalam Misa ini, Uskup memberkati minyak untuk orang sakit, minyak katekumen dan minyak krisma.

Minyak-minyak suci ini memainkan peranan penting dalam kehidupan sakramen Gereja serta melambangkan kehadiran dan kuasa Roh Kudus.

Dalam homilinya, Uskup Julius menekankan bahawa melalui sakramen, umat dipanggil untuk turut serta dalam pengudusan Kristus, dan menjadi saksi penebusan-Nya di dunia.

Setiap pengurapan mengingatkan bahawa umat dipanggil untuk meneruskan misi Kristus melalui kehidupan harian dengan membawa kasih dan rahmat-Nya ke-

pada orang lain.

Kristus kekal sebagai pusat iman dan melalui Misteri Paskah, manusia dibebaskan daripada dosa serta dipanggil kepada kehidupan abadi. Para paderi turut memperbaharui janji imam mereka sebagai tanda komitmen untuk melayani umat dengan setia.

Uskup juga menggalakkan umat menyokong para paderi melalui doa serta mengajak keluarga berdoa bagi panggilan, memandangkan jumlah paderi di keuskupan masih terhad sedangkan keperluan umat semakin meningkat.

Di Kuching, umat diseru sokong panggilan imam

KUCHING: Misa Krisma Keuskupan Agung Kuching telah dirayakan dengan suasana penuh doa pada Mac 17 di Katedral St Joseph.

Misa Krisma menegaskan peranan penting imam serta misi bersama Gereja dalam melayani umat dengan penuh iman dan pengharapan.

Perayaan tahunan ini dipimpin oleh Uskup Agung Simon Poh yang

menekankan kesatuan Gereja, khususnya dalam kalangan para paderi yang memperbaharui janji keimamatan mereka.

Dalam homilinya, beliau menegaskan bahawa Ekaristi merupakan pusat iman Katolik, di mana kehadiran Kristus dialami secara nyata melalui konsekrasi roti dan anggur.

Prelatus itu mengingatkan ba-

hawa sejak 2,000 tahun lalu, para paderi setia melaksanakan perintah Yesus untuk merayakan Ekaristi sebagai kenangan akan-Nya. Tiga minyak suci: minyak untuk orang sakit, minyak katekumen dan minyak krisma, diberkati semasa Misa Krisma.

"Minyak-minyak suci ini berbeza dengan minyak yang boleh perolehi di pusat-pusat



ziarah. Minyak-minyak ini yang akan saya berikatkan, bukan untuk dijual sebaliknya digunakan untuk pelayanan sakramen oleh para paderi," jelas Uskup Agung Simon.

Uskup Agung Simon turut mengajak umat untuk mendoakan

para paderi agar terus setia sebagai gembala yang melayani dengan rendah hati. Perayaan ini menonjolkan peranan penting imam dan misi Gereja dalam melayani umat dengan iman dan pengharapan.

AMNEC anjur retreat transformasi iman

KUALA LUMPUR: Seramai 27 peserta dari pelbagai paroki di Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah menyertai retreat bertemakan "Transformasi dari Murid kepada Murid Misionari" pada Mac 14, di Gereja Our Lady of Fatima, Brickfields.

Retreat anjuran AMNEC ini bertujuan mengajak peserta keluar daripada kesibukan harian untuk mendengar panggilan Tuhan dan memperbaharui komitmen iman.

Program dimulakan dengan sesi pujian dan penyembahan yang diketuai oleh kumpulan *Cornerstone Disciples*, diikuti dengan renungan Injil Lukas 5:1-11 oleh Michael Xavier.

Peserta dibimbing untuk merenungkan perjalanan iman masing-masing serta panggilan untuk menjadi murid misionari.

Sesi doa berpasangan menjadi antara pengalaman yang menyentuh hati, apabila ramai peserta merasakan kehadiran Tuhan secara nyata. Perkongsian dalam kumpulan kecil turut memberi ruang kepada peserta untuk saling menguatkan melalui kesaksian iman.

Anna Ong menyifatkan retreat ini sebagai unik kerana menekankan doa peribadi, refleksi, dan perbualan rohani yang mendalam.

Ramai peserta menyatakan mereka mengalami sentuhan Roh Kudus yang memperbaharui iman dan semangat pelayanan.

Retreat ini membantu peserta memahami bahawa menjadi murid misionari bermaksud hidup dan berkongsi kasih Tuhan secara autentik, serta menjadikan Kristus sebagai pusat kehidupan. **Andrew & Veronica Lim**



Rekoleksi KWK memperkasa peranan wanita Katolik

KENINGAU: Lebih 500 ahli Kerasulan Wanita Katolik paroki St Francis Xavier (KWK) telah mengambil bahagian dalam Rekoleksi KWK paroki KSFX pada Mac 14, di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon.

Kehadiran yang begitu menggalakkan ini mencerminkan semangat kesatuan dan komitmen para wanita dalam memperdalam kehidupan rohani mereka.

Rekoleksi ini mengangkat tema "Wanita yang menjadi teladan iman, kebenaran, kebijaksanaan dan kesetiaan".

Tema ini mengajak para peserta untuk merenungkan peranan mereka sebagai wanita Katolik dalam keluarga, Gereja dan masyarakat khususnya sebagai pembawa nilai-nilai iman, kasih dan pengharapan dalam setiap aspek kehidupan.

Ia juga menekankan tanggungjawab wanita untuk menjadi teladan melalui tindakan harian, sama ada dalam mendidik anak-anak,

melayani dalam komuniti Gereja, mahupun menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Melalui pelbagai sesi rohani, doa dan refleksi, para peserta diberi ruang untuk memperbaharui hubungan mereka dengan Tuhan serta memperkukuhkan iman dalam kehidupan seharian.

Kemuncak rekoleksi ini ialah Misa Kudus pengutusan yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Dalam homilinya, beliau menyatakan rasa bangga dan syukur atas sambutan luar biasa yang diberikan oleh para ahli KWK.

Ketua Keuskupan Keningau itu menekankan bahawa wanita yang ingin menjadi teladan iman harus mencontohi sikap rendah hati seperti pemungut cukai dalam Injil, yang dengan penuh kesedaran mengakui kelemahan diri serta keperluannya akan rahmat Tuhan, dan tidak bersandar pada kekuatan

sendiri semata-mata.

Sikap ini mencerminkan hati yang terbuka kepada pertobatan dan pembaharuan, sekali gus menjadi asas kepada kehidupan rohani yang sejati dan kesaksian iman yang autentik dalam keluarga, Gereja dan masyarakat."

Uskup Cornelius juga mengingatkan bahawa kehidupan beriman tidak dapat dijalani secara bersendirian.

Sebaliknya, setiap anggota dipanggil untuk hidup dalam kebersamaan, saling menyokong dan menguatkan antara satu sama lain.

Semangat komuniti ini amat penting agar KWK terus mampu menghadapi cabaran dunia yang sentiasa berubah.

Rekoleksi ini bukan sahaja memperkukuhkan iman para peserta, tetapi juga membangkitkan kesedaran tentang panggilan mereka sebagai wanita yang setia dan berani menjadi saksi Kristus.



Sahabat kecil Yesus

Mari Mewarna




Mari Berdoa

Ya Tuhan,
pada hari raya
Kebangkitan Anak-Mu
Yesus Kristus,
Engkau telah menakluki
kematian dan membuka
bagi kami pintu keabadian.

Semoga kami yang merayakan
pesta kebangkitan Tuhan
diperbaharui oleh Roh-Mu
dan bangkit dalam
terang kehidupan.

— Amin —

Dalam Injil Yohanes 20:1-9, siapakah yang berlari menuju ke kubur Yesus?



(Isi tempat kosong) → M _ R I D L A I N Y _ N G D I K _ S I H _
S I M _ N P _ T _ U S M _ R _ A M A G _ A L _ N A

CARI KATA TERSEMBUNYI

→ Kebangkitan Yesus

Cari perkataan yang tersembunyi secara melintang

M K I P T R M I N G G U
G H P S D P A G I P A G I K L
Y H N E S I M O N P E T R U S V I O
M A G A M A R I A M A G D A L E N A
S A B A T U U T K U B U R O Q S P P
B E R L A R I H T C E P A T K M A
K A K I T A B S U C I T A K A P U K
A Y A P E R C A Y A H B A N G K I T



BATU MARIA MAGDALENA BANGKIT PAGI-PAGI KUBUR BERLARI
SIMON PETRUS MINGGU CEPAT PERCAYA KITAB SUCI

Selamat Hari Paskah, Anak-anak!

Yesus sudah bangkit! Ini adalah hari yang penuh sukacita kerana Yesus mengalahkan maut dan memberi kita harapan baru. Anak-anak, melalui kebangkitan Yesus, kita tahu bahawa kasih Tuhan sangat besar kepada semua umat manusia.

Kebangkitan Yesus menandakan dosa-dosa kita diampunkan dan kita mempunyai harapan hidup yang kekal.

Maria Magdalena, Simon Petrus, dan murid yang dikasihi berlari ke kubur Yesus serta mendapati kubur itu kosong. Dari situ mereka mula percaya bahawa Yesus benar-benar telah bangkit!

Semoga kita juga seperti mereka. Walaupun pada mulanya bingung dan belum memahami sepenuhnya, kita tetap mencari Yesus dengan tekun. Akhirnya kita percaya kepada-Nya serta dipenuhi sukacita dan keberanian untukewartakan Khabar Gembira.

Anak-anak, Selamat merayakan Paskah dengan penuh sukacita!

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA

Aksi amal belia CHOICE,

PAPAR: Dalam semangat musim Pra-Paskah yang menekankan doa, pertobatan dan amal kasih, rombongan belia CHOICE telah menganjurkan satu lawatan amal ke rumah warga emas, Holy Family, Kg Purak, Papar.

Lawatan itu bertema *Make A Difference* yang bermatlamat menyantuni warga emas serta menghidupi moto CHOICE: Mengenal, Mencintai dan Melayani.

Program dimulakan dengan Misa Kudus yang dirayakan oleh Fr Aloysius Fidelis.

Dalam homilinya, beliau mengingatkan para peserta tentang kepentingan menghayati

tiga amalan utama Pra-Paskah iaitu doa, pantang dan amal kasih sebagai tanda pertobatan sejati.

Fr Aloy menegaskan bahawa kasih kepada sesama bukan sekadar kata-kata, tetapi perlu diterjemahkan melalui tindakan nyata, terutamanya kepada mereka yang memerlukan perhatian dan sokongan.

Selepas Misa, 37 orang belia memeriahkan program dengan aktiviti santai seperti *ice breaking*, nyanyian lagu pujipujian serta sesi *fellowship* yang mengeratkan hubungan antara para belia dan warga tua.



sentuh hati warga emas



Program ini diakhiri dengan sesi perkongsian berkumpulan, apabila para peserta berkongsi pengalaman dan refleksi mereka sepanjang lawatan tersebut.

Ungkapan *"What I want is love, not sacrifice"* menjadi inti utama pengalaman mereka, mengingatkan bahawa kasih yang tulus, walaupun melalui tindakan kecil, mampu memberi kesan besar dalam kehidupan orang lain.

Para belia menyedari bahawa kasih sejati tidak semestinya ditunjukkan melalui perkara be-

sar, tetapi melalui tindakan kecil seperti mendengar, meluangkan masa, dan hadir bersama mereka yang memerlukan.

Pengalaman seperti melawat warga emas ini membuka mata mereka bahawa sentuhan kasih yang sederhana mampu membawa sukacita, penghiburan dan harapan kepada penghuni rumah orang tua, sekali gus memberi kesan mendalam dalam kehidupan kedua-dua pihak.

Inisiatif Hujung Minggu CHOICE terus menjadi platform

penting bagi belia Katolik untuk membina persahabatan, memperdalam iman serta melibatkan diri dalam pelayanan.

Walaupun program ini singkat, impaknya mampu membentuk kehidupan peserta dalam jangka panjang.

Hujung minggu CBMCK3 akan dijadualkan pada Ogos 28 hingga 30, 2026 di Pusat Retret Bundu Tuhan. Para belia digalakkan untuk mendaftar dan mengalami sendiri perjalanan iman yang bermakna ini.

Di kasihi tanpa syarat

TANGKAK: Kem Rohani Belia Katolik (KRBK) 2026 yang diadakan pada Mac 14, mengumpulkan seramai 60 belia dari lima paroki di Melaka dan Johor Utara iaitu Gereja Our Lady of Guadalupe, Chapel Corpus Christi Terendak Camp, Rumah Besar Katolik Tok Batin, St Andrew Muar dan St Henry Batu Pahat.

Matlamat utama KRBK ini adalah membina persahabatan antara belia di setiap paroki dan memperkukuhkan iman kepada

Yesus.

Program dimulakan dengan pendaftaran dan sarapan pagi. Selepas itu, diadakan nyanyian pujian serta doa pembukaan.

Sesi *ice breaking* diadakan agar belia dapat mengenali antara satu sama lain sebelum sesi bermula.

Dalam program ini, Sr Maria Magdalena Kopong, FSIC, menyampaikan tiga sesi.

Sesi yang pertama bertajuk "Di-kasihi Tanpa Syarat: Identiti kita dalam Kristus."

Sesi ini mengajak para belia untuk memahami kasih Tuhan adalah anugerah daripada Bapa melalui Yesus dan menyedarkan para belia mengenai identiti sebenar mereka sebagai anak-anak Tuhan. Dalam sesi kedua, "Kasih yang Taat: Tinggal dan Berbuah", mengajak para belia memahami hubungan antara kasih dan ketiaan.

Bukan itu sahaja, para belia diberikan juga kesedaran bahawa kasih sejati akan menghasilkan buah serta mengaitkan doa dan Ekaristi dengan kekuatan untuk kekal dalam Yesus.

Sesi yang seterusnya ialah sesi

berdoa. Belia dibawa ke Gereja dan mereka diminta menulis tiga permohonan yang kemudiannya dimasukkan ke dalam sebuah bekas.

Objektif bagi sesi ini ialah membimbing belia agar bergantung kepada Tuhan dan sentiasa menyedari bahawa Tuhan itu HIDUP serta selalu hadir di tengah-tengah mereka.

Melalui pengalaman sesi-sesi dalam program ini, para belia diajak untuk menyedari bahawa Tuhan sentiasa hadir dan dekat, mendengar setiap permohonan serta memahami isi hati mereka.

Dengan kesedaran ini, para belia didorong untuk menjadikan doa sebagai amalan harian dan sumber kekuatan, agar mereka mampu menghadapi kehidupan dengan iman yang teguh serta hati yang penuh harapan.

Kem Rohani Belia Katolik ini diakhiri dengan pujian dan penyembahan serta sesi bergambar.

Melalui maklum balas dari peserta, mereka mengharapkan agar program seumpama ini dapat diadakan secara berkala. Rowena Anne Rodney



Berita singkat antarabangsa

Bapa Suci seru pertahankan kehidupan

VATIKAN: "Dalam zaman yang ditandai dengan kegilaan perang, adalah penting untuk mempertahankan kehidupan dari konsepsi hingga akhir semula jadinya."

Sri Paus Leo XIV menyatakan ini semasa Audiens Umum Rabu pada Mac 25, ketika beliau mengingatkan tentang Hari Kesucian Hidup kepada para penziarah.

Di Poland, Hari Kesucian Hidup disambut setiap tahun pada Mac 25. Ia ditubuhkan pada tahun 2004, bertepatan

dengan Pesta Malaikat mewartakan Khabar Gembira kepada Perawan Maria.

Sri Paus Leo menyeru Gereja untuk "mewartakan Injil dengan semangat dan membantu orang Kristian untuk secara aktif komited dalam membina dunia yang aman."

Prelatus itu juga mengingatkan umat beriman bahawa "setiap orang Kristian dipanggil untuk menjadi murid yang penuh kasih dan utusan yang berani untuk mewartakan Injil ke seluruh dunia." Media Vatikan

"Bukan senjata, tetapi dialog" – Paus Leo XIV

ROMA: "Saya ingin sekali lagi membuat rayuan untuk gencatan senjata, untuk bekerja demi keamanan, tetapi bukan dengan senjata — dengan dialog, benar-benar mencari penyelesaian untuk semua."

Bapa Suci Leo XIV mengulangi seruan keamanan dalam satu kenyataan ringkas kepada sekumpulan wartawan, Mac 24.

Prihatin dengan situasi anta-

rabangsa, Sri Paus berkata, "Kebencian semakin meningkat, keganasan semakin teruk, lebih daripada satu juta orang terasing, dan terdapat begitu banyak kematian."

"Kita akan terus berdoa tetapi saya menyeru semua pihak berkuasa untuk benar-benar bekerja melalui dialog untuk menyelesaikan masalah," kata Sri Paus Leo. Media Vatikan

Kekurangan panggilan, biara Karmelit Phnom Penh ditutup

PHNOM PENH, Kemboja: Selepas lebih dua dekad kehadiran kontemplatif, sebuah biara Karmelit di Phnom Penh secara rasmi ditutup pada Mac 19, kerana tiada panggilan baharu dalam kalangan wanita muda di Kemboja.

Biara tersebut, yang ditubuhkan pada tahun 2004 oleh para biarawati dari Biara Karmelit Seoul, mempunyai keistimewaan sebagai komuniti keagamaan kontemplatif pertama

dari Korea Selatan yang menjalankan kerja-kerja misi di Kemboja. Selepas bertahun-tahun berkhidmat, para biarawati yang tinggal, kembali ke tanah air mereka.

Majlis penutup dirayakan dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Olivier Schmitthaeusler, Vikaris Apostolik Phnom Penh, dan dihadiri bersama oleh Uskup Pierre Hangly Suon serta ramai paderi. LICAS News

Uskup India kecam undang-undang baharu tidak lindungi kebebasan beragama

MUMBAI: Para uskup Katolik di negeri Maharashtra, India, menentang undang-undang agama yang baharu diluluskan, memberi amaran bahawa ia merosakkan perlindungan perlembagaan dan berisiko menyasarkan komuniti minoriti.

Para uskup menyatakan "kekecewaan mendalam dan bantahan tegas" mereka terhadap Akta Kebebasan Beragama Maharashtra, 2026, yang baru-baru ini diluluskan oleh badan perundangan negeri di barat India.

"Ia tidak melindungi kebebasan beragama, undang-undang ini, dalam bentuknya yang sekarang, secara efektif merosakkan hak kebebasan untuk memilih dan menyebarkan agama seseorang, seperti yang dijamin di bawah Artikel 19, 25, dan 29 Perlembagaan India," kata para uskup.

"Oleh itu, kami menentang keras undang-undang ini dalam bentuknya yang sekarang dan menuntut penarikan baliknya dengan segera atau pindaan yang ketara," kata mereka. LICAS News

Inisiatif Gereja bantu belia buat pilihan bertanggungjawab

JAKARTA: Gereja Katolik di Indonesia membantu golongan muda menangani dadah dan stigma HIV melalui pendidikan akar umbi.

Seramai 50 belia Katolik menyertai sesi "Talk and Care" di paroki Bayat pada Mac 15.

Menurut laporan dari Keuskupan Agung Semarang, matlamat program ialah menangani risiko kesihatan dan sosial yang semakin meningkat dalam kalangan belia, terutamanya penyalahgu-

naan bahan dan maklumat salah mengenai HIV dan AIDS.

Sesi itu menekankan pengetahuan untuk membantu belia hadapi tekanan dan membuat keputusan bertanggungjawab.

Dalam salah satu sesi, ahli psikologi Indra Dwi Purnomo berkata ketagihan dadah bermula dari rasa ingin tahu atau pengaruh persekitaran. Beliau memberi amaran bahawa dadah merosakkan otak dan menjejaskan pemikiran, emosi serta tingkah laku. ucanews

Kesedaran Batin



tentang Karunia Tuhan

ROMA: Sri Paus Leo XIV telah mengeluarkan pesannya untuk Hari Doa Sedunia untuk Panggilan yang ke-63, yang jatuh pada April 26, hari minggu keempat Paskah, juga dikenali sebagai "Hari Minggu Gembala Baik."

Sri Paus menyebut perayaan itu "kesempatan rahmat untuk menyedari panggilan sebagai anugerah Tuhan yang percuma, yang dapat berkembang dengan mekar dalam hati."

Beliau juga menyebutnya sebagai peluang untuk "menjelajah bersama jalan kehidupan yang benar-benar indah di mana Gembala membimbing kita."

Dengan menjadi murid-Nya, seseorang benar-benar menjadi 'cantik'

Memetik Injil Yohanes, Yesus menggambarkan diri-Nya sebagai "Gembala yang Baik," bersedia untuk memberikan nyawa-Nya bagi domba-domba-Nya.

"Dia ialah Gembala yang menarik kita kepada-Nya, yang pandangannya mendedahkan bahawa hidup adalah benar-benar indah apabila seseorang mengikut-Nya."

Sri Paus Leo menyatakan bahawa kontemplasi dan keintiman diperlukan untuk mengenali keindahan ini.

Hanya mereka yang berhenti, mendengar, berdoa, dan menyambut pandangan Sang Gembala yang boleh berkata dengan yakin, "Saya percaya kepada-Nya; hidup bersamanya benar-benar boleh menjadi indah!"


"Apa yang paling luar biasa ialah dengan menjadi murid-Nya, seseorang benar-benar menjadi 'cantik'; kecantikan-Nya mengubah kita," kata Sri Paus Leo.

Katanya, Sto Augustine juga mempunyai pengalaman hidup, iman, dan makna ini. Dengan mengakui dosa dan kesilapan masa mudanya, Augustine menemui keindahan cahaya ilahi yang membimbingnya dalam kegelapan.

Sebuah pengembaraan cinta dan kebahagiaan

Sri Paus berkata ia bukan "satu paksaan atau model yang sesuai untuk semua orang yang hanya mematuhi tetapi sebuah pengembaraan cinta dan kebahagiaan."

Berdasarkan penjagaan kehidu-



hidupan Gereja dan karya amal untuk saudara-saudari kita".

Setiap panggilan ialah hadiah

Sri Paus menyeru golongan muda untuk mendengar suara Tuhan, yang mengajak mereka "kepada kehidupan yang penuh dan berbuah," menyeru mereka untuk menggunakan bakat dan menyatukan kelemahan mereka dengan Salib Kristus yang mulia.

Bapa Suci menggesa mereka meluangkan masa untuk adorasi Ekaristi; merenungkan Firman Tuhan, mengambil bahagian secara aktif dalam kehidupan sakramental dan gerejawi.

Melalui keakraban persahabatan dengan Yesus, mereka akan menemui cara sama ada melalui perkahwinan, keimamatan, diakonat tetap, atau kehidupan yang dikhususkan.

"Setiap panggilan ialah hadiah yang tidak terukir bagi Gereja dan bagi mereka yang menerimanya dengan sukacita."

Sto Yosef percaya walaupun tidak pasti

Sri Paus Leo menyatakan bahawa untuk mengenali Tuhan bermakna harus belajar untuk mempercayai diri kepada-Nya dan kepada penyelenggaraan-Nya.

Sebagai contoh agung, Sto Yosef, dengan kehamilan misteri Perawan, beliau mempercayai mesej Ilahi yang dinyatakan dalam mimpi dan menyambut Maria serta anaknya dengan hati yang taat.

"Yosef dari Nazareth," katanya, "adalah contoh kepercayaan sepenuhnya kepada rancangan Tuhan." Dia percaya walaupun segala-galanya di sekelilingnya kelihatan diselubungi kegelapan. Media Vatikan



VATIKAN: Sri Paus Leo XIV memberi penjelasan tentang bab ketiga Konstitusi Dogmatik *Lumen gentium* pada Audiens Umum Rabu, Mac 25 lalu.

Dalam katekesis beliau, Sri Paus mengingatkan bahawa dokumen Konsili Vatikan Kedua (KV II) pertama kali mempertimbangkan hakikat Gereja sebagai Umat Tuhan, sebelum beralih kepada bentuk hierarkinya.

Hierarki Gereja bukanlah “elemen susulan berkenaan dengan Umat Tuhan,” katanya, sebaliknya ia adalah aspek asas yang menyertai kelahiran Gereja.

Para pengikut pertama Yesus — para Rasul—membentuk komuniti mereka yang ditebus oleh Misteri Paskah Kristus, dan oleh itu ditubuhkan oleh-Nya “sebagai cara keselamatan bagi dunia.”

“KV II menyatakan bahawa struktur hierarki bukanlah suatu ciptaan manusia, berfungsi untuk organisasi dalaman Gereja sebagai badan sosial,” kata Sri Paus, “tetapi sebuah institusi ilahi yang tujuannya adalah untuk meneruskan misi yang diberikan oleh Kristus kepada Para Rasul hingga ke akhir zaman.”

Sri Paus Leo mengingatkan bahawa Gereja Katolik memiliki “struktur hierarki yang berfungsi untuk kesatuan, misi, dan pengudusan semua ahlinya.”

“Ini adalah kerana para rasul dipanggil untuk setia memelihara ajaran keselamatan Sang Guru. Mereka menyerahkan pelayanan mereka kepada lelaki yang, sehingga kedatangan Kristus, terus menguduskan, membimbing dan mengajar Gereja melalui pengganti mereka dalam jawatan pastoral.”

KV II berusaha untuk menjelaskan struktur asas Gereja, bukan sekadar mempersembahkan bentuk luarnya, katanya.

Lumen gentium menumpukan pada “pelayanan imam hierarki yang berbeza dari segi hakikat dengan darjah imam umat beriman.”

Walaupun semua orang Kristian yang dibaptis mengambil bahagian dalam satu imam Kristus, mereka yang diamankan dengan imam kepaderian iaitu mereka dikurniakan *sacra potestas*, atau “kuasa suci” untuk pelayanan Gereja.

Imamat paderi ialah mereka yang menerima kuasa suci (*sacra potestas*) iaitu



Struktur Gereja berakar pada misi para rasul

kuasa untuk bertindak secara rasmi bagi Gereja.

Manakala bagi orang awam, mereka diamankan dengan iaitu kuasa awam iaitu tidak mempunyai kuasa sakramental tetapi mempunyai peranan aktif dalam misi Gereja

Uskup, paderi, dan diakon masing-masing memikul tugas *munera* (dalam bahasa Latin) yang melayani Umat Tuhan dengan cara yang unik supaya semua dapat mencapai keselamatan.

Sri Paus Leo XIV berkata hierarki Gereja adalah kedua-duanya realiti dalaman dan ekspresi luaran misi

apostolik untuk pelayanan.

“Kita dapat memahami mengapa Sto Paulus VI mempersembahkan hierarki sebagai realiti ‘lahir daripada kasih Kristus, untuk memenuhi, menyebarkan dan memastikan penyampaian yang utuh dan berbuah daripada kekayaan iman, contoh, perintah dan karisma yang diwariskan oleh Kristus kepada Gereja-Nya.”

Pada akhir audiens, Sri Paus Leo berdoa agar Tuhan mengutus para pelayan untuk Gereja-Nya yang dipenuhi dengan kasih karunia Injil dan bersedia menjadi misionari yang berani di setiap penjuru dunia.

Media Vatikan

Jus rohani untuk jiwa

10 perkara yang patut ‘mati’ dan ‘bangkit’?

Paskah bukan sekadar perayaan, tetapi undangan untuk mengalami transformasi — mati kepada yang lama dan bangkit dalam hidup baru bersama Kristus.

1. Mati kepada dosa — Bangkit dalam hidup baru

“Demikianlah hendaknya kamu memandangnya: bahawa kamu telah mati bagi dosa, tetapi hidup bagi Tuhan dalam Kristus Yesus.” (Roma 6:11)

2. Mati kepada manusia lama — Bangkit sebagai ciptaan baru

Buanglah manusia lama... dan kenakanlah

manusia baru.” (Efesus 4:22-24)

3. Mati kepada keputusan — Bangkit dalam harapan

“Terpujilah Tuhan... yang telah melahirkan kita kembali... kepada suatu hidup yang penuh harapan.” (1 Petrus 1:3)

4. Mati kepada kebencian — Bangkit dalam kasih

“Inilah perintah-Ku, iaitu supaya kamu saling mengasihi.” (Yohanes 15:12)

5. Mati kepada kesombongan — Bangkit dalam kerendahan hati

“Rendahkanlah dirimu di hadapan Tuhan, dan Ia akan meninggikan kamu.” (Yakobus 4:10)

6. Mati kepada ketakutan — Bangkit dalam iman

“Sebab Tuhan memberikan kepada kita bukan roh ketakutan, melainkan roh kekuatan.” (2 Timotius 1:7)

7. Mati kepada pengampunan yang tertahan — Bangkit dalam belas kasihan

“Hendaklah kamu ramah seorang terhadap yang lain... saling mengampuni.” (Efesus 4:32)

8. Mati kepada kelekatan duniawi — Bangkit dalam perkara surgawi

“Fikirkanlah perkara yang di atas, bukan yang di bumi.” (Kolose 3:2)

9. Mati kepada keegoisan — Bangkit dalam pelayanan

“Sesiapa ingin menjadi besar di antara kamu, hendaklah ia menjadi pelayanmu.” (Matius 20:26)

10. Mati kepada kehidupan tanpa Tuhan → Bangkit dalam Kristus

“Aku telah disalibkan dengan Kristus; namun aku hidup, tetapi bukan lagi aku sendiri yang hidup.” (Galatia 2:20) **Aleteia**



PENULIS BERKICAU

Dari Paskah ke Warisan Harapan

April 21, 2025, hampir setahun telah berlalu. Asejak dunia mengucapkan selamat tinggal kepada Sri Paus Fransiskus, seorang gembala yang meninggalkan kesan mendalam bukan sahaja kepada Gereja Katolik, tetapi juga kepada seluruh umat manusia.

Bukannya tidak *move-on* dengan pemergiannya, tetapi kehilangannya sangat dirasai apabila beliau meninggalkan dunia sehari selepas Paskah.

Lebih-lebih lagi mengenang amanat terakhir Paskah 2025 yang sarat dengan harapan, belas kasih dan seruan kepada pembaharuan hati.

Dalam pesan Paskah terakhirnya, Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa kebangkitan Kristus bukan sekadar peristiwa sejarah, tetapi satu realiti hidup yang memanggil setiap insan untuk bangkit daripada kegelapan dosa, keputusan dan ketidakpedulian.

Beliau mengingatkan bahawa dunia yang dilanda konflik, ketidakadilan dan penderitaan memerlukan cahaya harapan yang hanya dapat ditemukan dalam kasih Kristus yang bangkit. Seruan ini mencerminkan keseluruhan kepausannya—sentiasa berpihak kepada mereka yang terpinggir, miskin dan terluka.

Mendiang Bapa Suci Fransiskus juga menegaskan bahawa keamanan sejati tidak akan tercapai tanpa pengampunan dan dialog.

Dalam dunia yang semakin berpecah, beliau mengajak para pemimpin dan umat untuk membina jambatan, bukan tembok.

Kata-katanya menjadi peringatan bahawa iman tidak boleh terpisah daripada tindakan nyata — kasih harus diterjemahkan dalam usaha membela keadilan, menjaga maruah manusia dan memelihara ciptaan Tuhan.

Hampir setahun selepas pemergiannya, saya percaya kita masih melihat bagaimana pesan itu terus relevan.

Dunia belum sepenuhnya pulih daripada luka peperangan, krisis kemanusiaan dan ketidakadilan sosial. Namun, seperti yang diingatkan oleh Sri Paus Fransiskus, harapan Kristian tidak pernah pudar kerana ia berakar dalam kebangkitan Kristus. Harapan ini menggerakkan umat untuk terus berbuat baik, walaupun dalam situasi yang mencabar.

Menjelang Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 yang akan berlangsung di Keuskupan Sibul pada bulan September ini, saya mengingati penekanan Sri Paus Fransiskus terhadap Gereja yang bersifat sinodal — Gereja yang mendengar, berjalan bersama dan terbuka kepada bimbingan Roh Kudus.

Selain itu, keprihatinannya terhadap alam sekitar melalui ensiklik *Laudato Si'* terus menjadi inspirasi global. Beliau melihat penjagaan bumi sebagai tanggungjawab moral dan rohani, mengingatkan bahawa manusia dipanggil menjadi penjaga, bukan perosak ciptaan Tuhan. Pesanan ini semakin mendesak dalam menghadapi krisis iklim yang kian meruncing.

Mengenang Sri Paus Fransiskus setahun selepas pemergiannya bukan sekadar mengimbau kenangan, tetapi juga satu panggilan untuk meneruskan misinya.

Setiap umat dipanggil untuk menjadi pembawa harapan, agen perdamaian dan saksi kasih Tuhan dalam kehidupan seharian.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



Marilah kita berdoa untuk para paderi yang melalui saat-saat krisis dalam panggilan mereka, agar mereka dapat menemukan pendampingan yang mereka perlukan dan agar komuniti dapat menyokong mereka dengan pemahaman dan doa.

KOTA KINABALU: Misa Pelancaran Jubli Sto Francis telah berlangsung dengan penuh kesyukuran dan sukacita di Katedral Hati Kudus, Kota Kinabalu, menghimpunkan umat dalam satu perayaan iman yang bermakna.

Perayaan dimulakan dengan Misa Kudus. Dalam homilinya, Uskup Agung John Wong mengingati Sto Francis dari Assisi, seorang kudus terkenal yang hidup pada abad ke-12 hingga ke-13 di Itali.

Santo itu dikenali kerana memilih hidup sederhana, meninggalkan kekayaan duniawi, dan mengabdikan dirinya sepenuhnya kepada Tuhan.

Selepas Misa, Uskup Agung John menyampaikan ucapan.

Prelatus itu menekankan bahawa Jubli bukan sekadar perayaan, tetapi satu masa rahmat yang mengundang setiap umat untuk mengalami pembaharuan iman secara peribadi dan komuniti.

Bapa Uskup Agung John mengajak umat untuk meneladani semangat Sto Francis dari Assisi khususnya hidup sederhana, kasih terhadap sesama dan alam ciptaan Tuhan serta semangat pelayanan yang rendah hati.

Sto Francis dari Assisi merupakan seorang kudus terkenal dalam Gereja Katolik yang



KK lancar Tahun Jubli Sto Francis dari Assisi

hidup pada abad ke-12 hingga ke-13 di Itali. Beliau dikenali kerana memilih hidup sederhana, meninggalkan kekayaan duniawi, dan mengabdikan dirinya sepenuhnya kepada Tuhan.

Sto Francis juga terkenal dengan cintanya terhadap alam ciptaan, serta kepeduliannya

terhadap orang miskin dan terpinggir.

Melalui teladan hidupnya, beliau mengajar bahawa kegembiraan sejati datang daripada hidup dalam kesederhanaan, kerendahan hati dan kasih yang tulus kepada semua ciptaan.

Pelancaran Jubli diteruskan dengan ta-

ngangan video khas yang mengingatkan umat akan warisan iman yang telah dibina dan tanggungjawab untuk meneruskannya.

Seterusnya, Uskup Agung John membuka tirai poster Tahun Jubli menandakan bermulanya Tahun Jubli Sto Francis dari Assisi bagi Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Sibu gerakan persiapan MPC2026

SIBU: Seramai 70 peserta dan penyelaras dari seluruh Keuskupan Sibu berkumpul di Wisma *Laudato Si'*, Katedral *Sacred Heart*, bagi Sesi Persediaan Pertama Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026).

Perhimpunan ini bukan sekadar mesyuarat, tetapi menjadi pengalaman sinodaliti yang hidup — di mana Gereja berkumpul untuk mendengar, menilai dan bergerak bersama dalam kesatuan.

Keuskupan Sibu bakal menjadi tuan rumah MPC2026 pada September 9 hingga 13, 2026, menghimpunkan kesemua sembilan keuskupan Katolik di Malaysia.

Sesi ini menandakan langkah awal dalam perjalanan bersama menuju pertemuan tersebut.

Dalam ucapan alu-aluan, Uskup Joseph Hii mengajak peserta untuk hadir sebagai penziarah rohani, terbuka kepada bimbingan

Roh Kudus, peka antara satu sama lain, dan komited kepada misi Gereja.

Seterusnya, Fr Alphonsus Tang memperkenalkan latar belakang serta objektif MPC2026, sebelum membimbing peserta melalui "Perbualan dalam Roh", yang menekankan pendengaran mendalam dalam suasana doa. Perbualan dalam Roh ini melibatkan 15 kumpulan.

Penyertaan golongan muda turut diberi perhatian apabila dua peserta muda bersama Fr Joseph Sebastian membentangkan refleksi kumpulan, mencerminkan Gereja yang menghargai setiap generasi.

Peserta juga melantik 15 fasilitator dan 15 pencatat nota bagi memastikan kesinambungan proses dialog yang teratur dan bermakna.

Selain itu, kehadiran wakil daripada pelbagai komiti seperti logistik, liturgi, media



dan hospitaliti menunjukkan semangat kerjasama yang kuat.

Kemuncak sesi ialah pelancaran rasmi persiapan MPC2026 apabila Uskup Joseph Hii menyerahkan sepanduk kepada wakil paroki

sebagai simbol perutusan.

Sesi diakhiri dengan foto bersama di *Shrine of Mary Immaculate*, melambangkan jemputan terbuka kepada seluruh umat Katolik Malaysia.

Charis Pulau Pinang latih penceramah berwibawa



PULAU PINANG: Sesi Latihan Penceramah anjuran Charis Keuskupan Pulau Pinang pada Mac 14 lalu, telah menghimpunkan 20 peserta dari Pulau Pinang dan Kedah.

Program ini dikendalikan oleh Leoreen Heah Rodrigues yang berpengalaman dalam bidang latihan penguasaan awam.

Peserta didedahkan kepada aspek penting seperti pemilihan topik yang relevan, teknik penyampaian berkesan serta cara memberi impak kepada pendengar.

Pendekatan interaktif digunakan melalui

perbincangan kumpulan dan latihan praktikal.

Peserta turut menjalani bengkel dalam kumpulan kecil untuk menyediakan dan menyampaikan ceramah, di samping menerima maklum balas yang membina.

Menurut Ketua Charis Keuskupan Pulau Pinang, Adeline Teh, program ini bertujuan membentuk individu berpotensi agar lebih yakin berkongsi iman. Inisiatif ini diharapkan melahirkan lebih ramai umat Katolik yang berani menjadi saksi iman. **Aveil Olga**

HUT Tentera Darat Ke-93 disambut di Kem Terendak

KEM TERENDAK, Melaka: *Chapel Corpus Christi* Terendak Camp (CCCTC) telah mengadakan Misa Kudus Pra-Paskah keempat sekali gus merayakan Hari Ulangtahun Tentera Darat Malaysia Ke-93.

Misa Kudus ini diadakan sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan atas perlindungan serta pengorbanan anggota Tentera Darat Malaysia dalam menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

Misa Kudus telah dipimpin oleh Fr Moses Rayappan. Misa dihadiri oleh anggota tentera bertugas di sekitar Kem Terendak bersama umat Katolik dari komuniti *Chapel Corpus Christi* Kem Terendak.

Fr Moses mengajak umat untuk terus memperbaharui iman melalui doa, pertobatan, dan pengorbanan.

Pada hari minggu Pra-Paskah keempat juga diadakan Upacara Tobat Kedua bagi para calon baptis.

Wakil Pegawai Agama Kristian iaitu Mejar Chester dalam ucapannya, menekankan kepentingan nilai rohani



dan perpaduan dalam kalangan anggota tentera.

Dalam amanatnya, Fr Moses berharap agar para anggota tentera sentiasa berpegang teguh kepada iman, nilai disiplin serta semangat pelayanan dalam menjalankan tanggungjawab mereka kepada agama, bangsa, dan negara.

Sebagai tanda penghargaan, pihak tentera telah menyampaikan cenderamata kepada Fr Moses atas kesudian beliau memimpin Misa Kudus pada hari tersebut.

Selepas Misa Kudus, semua anggota tentera dan umat yang hadir telah dijemput untuk menikmati jamuan makan bersama. **Styvester Bresli**